

|             |                                    |            |         |
|-------------|------------------------------------|------------|---------|
| Headline    | TNB mulakan projek fotovoltan HHFS |            |         |
| MediaTitle  | Harian Metro                       |            |         |
| Date        | 24 Feb 2024                        | Language   | Malay   |
| Circulation | 112,705                            | Readership | 338,115 |
| Section     | Bisnes                             | Page No    | 23      |
| ArticleSize | 174 cm <sup>2</sup>                | Journalist | N/A     |
| PR Value    | RM 20,484                          |            |         |
|             |                                    |            |         |



## TNB mulakan projek fotovoltan HHFS

**Kuala Lumpur:** Tenaga Nasional Bhd (TNB) kini memulakan projek fotovoltan (PV) Hibrid Solar Terapung Hidro (HHFS) di bawah Pelan Peralihan Tenaga Negara (NETR) di tasik empangan hidronya.

Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Baharin Din berkata, syarikat komited untuk melaksanakan projek PV HHFS selepas kejayaan projek perintisnya di Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS) di Manjung, Perak.

“Dalam usaha negara bergerak ke arah masa depan berkarbon rendah dan kelestarian alam, TNB, melalui TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), bercadang untuk melaksanakan projek pembangunan PV HHFS dengan kapasiti 2,500 megawatt (MW).

“Inisiatif peralihan tenaga ini bertanggungjawab dalam menyediakan solusi tenaga lestari dengan impak ekologi yang positif,” katanya dalam kenyataan.



ILUSTRASI artis untuk projek Hibrid Solar Terapung Hidro (HHFS) di Sungai Perak.

Syarikat merancang untuk mempercepat pelaksanaan HHFS dengan kapasiti 2,500MW, bermula dengan 30MW di Empangan Hidro Chenderoh (Perak), diikuti dengan lokasi di Empangan Hidro Temenggor (Perak) dan Kenyir (Terengganu).

“Ladang solar terapung boleh melengkapkan sumber tenaga boleh baharu lain untuk membekalkan tenaga kepada grid kebangsaan dengan potensi untuk

meningkatkan tenaga bersih secara ketara,” katanya.

Menurutnya, TNB telah menandatangani kerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Terengganu Incorporated untuk memastikan pembangunan HHFS dilaksanakan dengan berjaya dan bertanggungjawab.

Sejak 2019, solar terapung PV TNB di kolam abu seluas 175 hektar di SJSAS telah menjana lebih 600 MWh tenaga.